



Usaha Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) dalam meningkatkan keupayaan komuniti: Kajian kes peladangan cili di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan

Sarmila Md Sum¹, Reevany Bustami², Salfarina Abdul Gapor³

¹Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, ²Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, ³Rancangan Pengurusan dan Perancangan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

Correspondence: Sarmila Md Sum (email: sarmila@ukm.my)

Abstrak

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah salah satu bentuk inisiatif dan strategi yang dilaksanakan oleh syarikat bagi menghubungkan syarikat korporat dengan masyarakat awam. Pelbagai contoh inisiatif CSR telah dilaksanakan oleh syarikat korporat. Ini merangkumi usaha memperbaiki keadaan tempat berkerja, pemasaran produk, pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan komuniti. Makalah ini membincangkan usaha CSR oleh sebuah syarikat korporat multinasional di Malaysia yang telah menyumbang kepada pembangunan komuniti peladang melalui projek CSR perladangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Putih, Kelantan. Seramai 45 orang peladang telah ditemu bual dalam kajian kualitatif ini. Analisis secara tematik telah menemukan sebanyak 19 tema asas. Tema tersebut dibahagikan kepada empat kategori utama yang setiap satunya menggambarkan pembinaan keupayaan komuniti peladang. Secara umumnya para peladang telah berpeluang untuk belajar, meningkatkan ilmu penanaman cili sedia ada, membina kemahiran dan meningkatkan penguasaan kemahiran setelah terlibat dengan projek ini. Projek CSR ini dilihat telah berjaya membantu usaha membina keupayaan sedia ada komuniti peladang yang terlibat di kawasan kajian.

Katakunci: tanggungjawab sosial korporat (CSR), komuniti peladang, pembangunan keupayaan, perladangan cili, pembelajaran, ilmu pertanian dan pengurusan

Corporate Social Responsibility (CSR) initiatives in elevating community capacity building: The case of chilli farming in Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan

Abstract

Corporate Social Responsibility (CSR) is a kind of initiative and strategy undertaken by a corporation to link the company with community at large. Various examples of CSR initiatives have been carried out by corporations. These efforts include developing work places, product marketing, conservation of the environment and community development. This article discusses chilli contract farming projects as a CSR initiative of a multinational corporation in Malaysia in developing farming community in Bukit Awang, Pasir Putih, Kelantan. A total of 45 farmers have been interviewed in this qualitative study. Thematic analysis of the data has found 19 basic themes related to farming community development which can be divided into four main categories. Each category represents capacity building of the community. Generally the farmers have gained opportunities to learn, improve their knowledge on chilli

farming, develop their farming skills and the increased mastery of the skills after getting involved in the project. On this note, this CSR project is viewed as having succeeded in assisting the community in the study area to build and develop their existing farming capacities.

Keywords: social corporate responsibility (SCR), farming community, capacity building, chili farming, learning, knowledge on agriculture and management

Pengenalan

Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat atau lebih dikenali dengan singkatan CSR (Corporate Social Responsibility) secara umumnya telah diintegrasikan dalam strategi perniagaan oleh kebanyakan syarikat korporat masa kini sebagai salah satu usaha bagi meningkatkan hubungan syarikat dengan masyarakat (Barney, 2003; Gariga & Mele, 2004; Warhurst, 2005; Porter & Kramer, 2006; Manteuw, 2007). Konsep CSR ini juga didapati telah menjadi agenda polisi global di kebanyakan negara dan telah dianggap sebagai sebahagian daripada amalan institusi perniagaan masa kini bagi memastikan kesinambungan institusi tersebut (Hamann, 2006; Sharp, 2006; World Business Council for Social Development (WBCSD), 2000).

Dekad ini telah menyaksikan kematangan dalam perbincangan dan pelaksanaan konsep ini apabila konsep ini bukan lagi hanya dilihat sebagai satu strategi syarikat untuk mendapatkan lesen beroperasi dari masyarakat lokal, meningkatkan reputasi mahupun memperlihatkan obligasi moral dan etika syarikat bagi tujuan kesinambungan (Porter & Kramer, 2006), tetapi juga telah diunjurkan sebagai sumber bagi syarikat korporat menyumbang bersama dalam proses pembangunan (Barney, 2003; Blowfied & Frynas, 2005; Jenkins, 2005; Sharp, 2006; Hamman, 2007; Muthuri, 2007; Newell & Frynas, 2007; Ideamudia, 2008).

Terdapat peningkatan yang ketara dalam perbincangan CSR yang mengaitkan konsep ini dan sumbangan yang boleh diberikannya kepada komuniti sehingga terdapat pihak termasuk kerajaan, NGO, masyarakat dan institusi perniagaan sendiri mula melihat CSR sebagai jambatan yang mampu menghubungkan institusi perniagaan dan pembangunan (Utting, 2003; Blowfied & Frynas, 2005; Sharp, 2006).

Sehubungan dengan itu, agensi pembangunan di peringkat antarabangsa mahupun lokal juga telah bersama-sama memulakan usaha untuk menambah elemen pembangunan ke dalam senarai inisiatif CSR syarikat korporat bagi tujuan meningkatkan keperhatian syarikat terhadap isu-isu yang melibatkan masyarakat dan pembangunan (Bursa Malaysia, 2006; Sharp, 2006). Pihak-pihak ini telah meletakkan harapan yang tinggi serta mula mengiktiraf peranan penting yang perlu dimainkan oleh sektor ini dalam mencapai objektif pembangunan. Sebagai contoh, konsep Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goals* - MDG) yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) secara jelas telah menyatakan harapan bagi penglibatan syarikat korporat sebagai rakan kongsi global dalam usaha pembangunan (Hamann, 2006).

Para pendukung konsep CSR mengharapkan melalui inisiatif pelaksanaan konsep CSR, syarikat korporat berpeluang untuk mengisi kelompangan dalam usaha pembangunan yang perlu dilaksanakan terhadap komuniti tetapi masih belum terlaksana oleh agensi pembangunan atau kerajaan (Sharp, 2006; Hamann, 2007; Muthuri, 2007; Ideamudia, 2008).

CSR dan pembangunan keupayaan komuniti

Bagi memastikan usaha CSR yang dilaksanakan oleh syarikat korporat memberi impak pembangunan kepada komuniti, syarikat korporat telah dicadangkan untuk memberi perhatian kepada usaha pembangunan keupayaan kepada komuniti lokal (Muthuri 2007). Isu pembangunan keupayaan ini telah muncul dalam hasil kajian Barney (2003) yang mendapati salah satu strategi syarikat dalam melaksanakan usaha CSR yang dirujuk sebagai suatu pendekatan positif lebih diterima oleh komuniti lokal walaupun

strategi ini tidak memberi apa-apa sumbangan berbentuk material kepada komuniti tetapi sebaliknya, pendekatan strategi ini memberi peluang untuk komuniti terlibat dalam kumpulan yang dilantik oleh pihak pengurusan syarikat bagi tujuan untuk menghubungkan syarikat dan para pelanggannya. Wakil komuniti yang terlibat dan menjadi ahli dalam kumpulan yang dilantik ini merasakan mereka diberi peluang untuk membina keupayaan dalam mengurus hubungan mereka dengan syarikat seterusnya berperanan mewakili pihak komuniti lokal. Justeru, apabila suara komuniti didengar dalam perwakilan tersebut, pihak komuniti merasakan syarikat telah membantu mereka membina keperkesaan komuniti dalam isu hubungan komuniti dengan pihak korporat.

Bagi meluaskan lagi skop sumbangan CSR kepada usaha membangunkan keupayaan komuniti, projek CSR juga digalakkan untuk memberi fokus kepada industri kecil (SME), sektor informal dan juga sektor swasta lokal dengan andaian jika usaha CSR dapat dijalankan dengan menghubungkan sektor-sektor ini sebagai rantaian perniagaan syarikat, perpindahan aset, kemahiran dan teknologi kepada komuniti lokal dapat diwujudkan. Usaha sebegini seterusnya dijangka akan dapat mewujudkan kesan rantaian (multiplier effect) kepada aktiviti peniaga lokal, peluang pekerjaan dan juga peluang pendapatan komuniti (Fox, 2004). Usaha CSR dalam bentuk ini sangat diiktiraf oleh agensi kerajaan mahupun NGO kerana melalui usaha sebegini bidang kepakaran dan pengetahuan boleh dipindahkan kepada syarikat lokal. Usaha ini seterusnya akan menjadi mekanisme bagi membantu memperkukuhkan struktur dalam masyarakat yang membolehkan komuniti menangani cabaran isu pembangunan (Kolk & Tudler, 2006; Muthuri, 2007).

Justeru itu, usaha CSR terhadap komuniti yang hanya berbentuk filantropi telah disimpulkan tidak berupaya untuk menyumbang kepada maksud tujuan pembangunan komuniti kerana bagi mencapai pembangunan, komuniti tidak boleh hanya menjadi penerima. Muthuri et al. (2009) menegaskan bahawa strategi CSR yang menggunakan pendekatan *paternalistic-welfare* yang mana syarikat korporat memberi sumbangan material kepada komuniti dari semasa ke semasa tidak akan membantu membangunkan komuniti malahan berkemungkinan mewujudkan keadaan kebergantungan komuniti terhadap syarikat yang tidak positif dalam komuniti. Sehubungan itu strategi CSR yang dilaksanakan bagi tujuan pembangunan tidak sepatutnya menjadikan komuniti berterusan bergantung kepada syarikat tetapi sebaliknya perlu berupaya meningkatkan keupayaan komuniti untuk bertanggungjawab kepada pembangunan mereka.

Kajian Muthuri et al. (2009) ini juga mendapati penyertaan dari komuniti sangat penting dalam usaha CSR. Melalui penyertaan ini, keperluan komuniti dan peluang untuk menyumbang kepada pembangunan dapat dikenal pasti. Keperluan kepada penyertaan komuniti ini telah dibincangkan lebih awal oleh Frynas (2005) yang mengkritik bahawa usaha CSR syarikat korporat sedia ada tidak memberi ruang kepada penyertaan komuniti terutama sekali kepada komuniti yang suara mereka tidak didengari iaitu komuniti miskin dan tertindas. Dengan kelemahan ini, usaha CSR tidak mampu dilihat sebagai usaha sosial syarikat untuk menyumbang kepada pembangunan. Bagi menangani kelemahan ini syarikat korporat sangat digalakkan mengambil inisiatif untuk melabur dalam modal manusia dan menyediakan komuniti lokal instrumen yang boleh menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi mereka sendiri (Barney, 2003; Eweje, 2006).

Pembinaan keupayaan (Capacity building)

Pembinaan keupayaan komuniti adalah proses memajukan komuniti yang melibatkan aktiviti dalam kalangan ahli komuniti itu sendiri bagi meningkatkan kapasiti dalam komuniti (Mattessich, 2009). Kapasiti adalah keupayaan individu, organisasi atau sesuatu sistem untuk melaksanakan fungsi yang sesuai secara efektif, efisien dan berkesinambungan. Definisi kapasiti ini dalam perspektif yang lebih luas telah dihubungkan dengan konsep pembangunan; manakala dalam perspektif yang lebih khusus pula telah dihubungkan dengan proses latihan. Sebagai satu proses yang dinamik, kapasiti seseorang individu, organisasi ataupun sesuatu sistem perlu sentiasa diperbaharui dan dipertingkatkan. Sehubungan itu,

pembangunan kapasiti adalah proses yang berterusan bagi meningkatkan keupayaan untuk melaksanakan fungsi utama, menangani masalah, mengenal pasti dan mencapai objektif serta memahami dan bertindak terhadap keperluan pembangunan (Milen, 2001).

UNDP memperkenalkan pembinaan kapasiti sebagai proses di mana individu, kumpulan individu mahupun organisasi meningkatkan keupayaan mereka yang antara lain bertujuan untuk: 1) melaksanakan fungsi asas, menangani masalah, mengenal pasti dan mencapai objektif; dan 2) memahami dan menguruskan keperluan pembangunan dalam konteks yang lebih luas dan lebih mampan (dalam Hedayat Allah Nikkah & Ma'rof Redzuan, 2010:88). Melalui pengalaman oleh berbagai negara dan sektor dalam membangunkan kapasiti di setiap tahap iaitu individu, organisasi ataupun sistem, terdapat enam faktor utama yang telah dikenal pasti bagi memastikan kejayaan dalam usaha membangunkan kapasiti (Milen, 2001:23-24). Faktor-faktor ini diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Faktor-faktor utama bagi menjayakan usaha pembinaan kapasiti


Faktor-faktor	Penerangan
1. Pemilikan dan tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none">• Perlu ada pihak kerajaan, organisasi dan komuniti yang membangunkan kapasiti dan kompetensi mereka sendiri bagi tujuan untuk memformulasikan rancangan dan agenda pembangunan mereka serta mengkoordinasikan tanggungjawab dan komitmen pihak penyumbang terhadap perancangan pembangunan tersebut.
2. Perkongsian	<ul style="list-style-type: none">• Perlu ada pendekatan yang melibat berbagai pihak yang boleh menyumbang kemahiran dan sumber. Perkongsian yang kreatif, kumpulan bersekutu, jaringan kerja perlu dilaksanakan dalam hubungan berbagai pihak ini dan bukan hanya hubungan penyumbang dan penerima sahaja.
3. Kapasiti	<ul style="list-style-type: none">• Untuk apa kapasiti perlu dibangunkan adalah jelas dan mereka yang terlibat serta organisasi mendapat kapasiti yang lebih baik dan yang relevan.
4. Kualiti peserta	<ul style="list-style-type: none">• Peserta yang terlibat perlu mempunyai kualiti dari segi memberikan perhatian serius kepada sumber dengan dedikasi, komited dan fokus pada kemahiran.
5. Proses pembinaan kapasiti	<ul style="list-style-type: none">• Proses pembinaan kapasiti perlu dilaksanakan secara terbuka dengan tujuan untuk mempelajari sesuatu. Proses perlaksanaannya perlu telus tanpa ada agenda yang tersembunyi
6. Agensi yang menyumbang	<ul style="list-style-type: none">• Agensi yang menyumbang perlu bertindak sebagai fasilitator dan bersedia membuat perubahan bergantung kepada keperluan.

Sumber: Milen (2001:24-24)

Projek CSR kepada komuniti: Kajian kes di Bukit Awang, Pasir Putih, Kelantan

Projek CSR yang dipilih bagi kajian ini adalah projek perladangan cili secara kontrak. Projek ini telah dilaksanakan oleh sebuah syarikat korporat multinasional melibatkan komuniti peladang di Kelantan dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang, Jajahan Pasir Putih, Kelantan (Rajah 1). Projek yang dikenali sebagai *Spicing the Community Project* ini dilaksanakan secara kontrak. Projek ini merupakan salah satu projek di bawah konsep CSR syarikat yang dilaksanakan dengan tujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan para peladang miskin. Ia dibangunkan bagi mengaplikasikan falsafah syarikat korporat yang terlibat iaitu untuk 'Mencipta Perkongsian Nilai' (Creating Shared Value) dengan melaksanakan pelaburan yang bukan sahaja membawa kebaikan kepada syarikat tetapi juga kepada komuniti lokal. Proses 'Mencipta Perkongsian Nilai' yang dibangunkan oleh syarikat ini bukan sahaja bertujuan untuk memberi nilai kepada pemegang taruh dalam masyarakat tetapi juga dilaksanakan dengan tujuan memulihara alam sekitar, mempunyai strategi jangka panjang serta berupaya membuahkan hasil dan prestasi tahunan yang baik. Selain itu, projek ini juga dilaksanakan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Millenium (MDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang antaranya adalah untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti.

Projek perladangan cili di Bukit Awang bermula pada tahun 1995 dengan hanya empat orang peladang. Keluasan ladang yang asal hanyalah empat ekar dengan pengeluaran sebanyak 8.5 tan metrik. Kini projek ini melibatkan seramai 242 peserta dan keluasan ladang 242 ekar. Pada 2009 projek ini telah berjaya menjana pengeluaran sebanyak 489 tan metrik.



Rajah 1. Lokasi kawasan perladangan cili Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan

Projek perladangan cili ini dimulakan pada tahun 1995 di kawasan Bukit Awang, Pasir Puteh Kelantan sebagai usaha syarikat untuk membantu meningkatkan taraf kehidupan para peladang dengan mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan juga mendedahkan peladang kepada Amalan Perladangan Baik (Good Agriculture Practice-GAP). Objektif syarikat dalam melaksanakan projek ini adalah untuk meningkatkan hasil dan kualiti penanaman peladang melalui penggunaan secara maksimum sumber pertanian yang ada di kawasan tersebut. Syarikat korporat ini berpendapat peningkatan hasil perladangan petani dapat dijana dengan menggunakan pendekatan perladangan secara komersial serta penekanan terhadap sistem pengurusan perladangan yang lebih sistematik dan profesional menurut piawaian yang diterima secara global.

Pembinaan keupayaan komuniti Peladang Cili di Bukit Awang Pasir Putih, Kelantan

Kajian terhadap peladang yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Putih Kelantan telah dijalankan pada bulan april tahun 2010. Seramai 45 peladang cili telah ditemubual bagi mengenal pasti sama ada penglibatan mereka dengan projek ini dapat membina keupayaan peladang bagi tujuan untuk membangunkan komuniti peladang tersebut. Kajian kualitatif ini memperolehi data melalui temu bual separa struktur yang dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti tema-tema yang relevan kepada objektif kajian.

Terdapat 19 tema asas yang muncul dan dikategorikan kepada empat tema utama yang menggambarkan pembinaan keupayaan komuniti, iaitu 1) proses pembelajaran, 2) peningkatan ilmu pertanian, 3) membina kemahiran, dan juga 4) penguasaan kemahiran khusus (rujuk Jadual 2). Tema-tema ini akan dibincangkan satu persatu bagi memahami bagaimana peladang membina keupayaan mereka melalui pengalaman terlibat dengan projek perladangan cili kontrak tersebut.

Jadual 2. Tema-tema pembinaan keupayaan komuniti

Tema asas (Gabungan Kod awal)	Tema utama (Gabungan tema-tema asas)
1. Peluang menghadiri kursus (9)	1. Proses pembelajaran (16)
2. Kursus-kursus dianjurkan berbagai-bagai agensi kerajaan (5)	
3. Syarikat bersama-sama membantu meningkatkan kemahiran (3)	
4. Belajar cara meracun (13)	2. Peningkatan ilmu pertanian (22)
5. Belajar teknik tanaman baru (5)	
6. Belajar cara membaja (3)	
7. Belajar cara urus akaun (1)	
8. Berpeluang memilih teknik tanaman yang sesuai (3)	3. Membina kemahiran (15)
9. Peluang menggunakan teknik baru untuk tambah hasil (2)	
10. Membina kesedaran teknik meracun yang sesuai (3)	
11. Teknik menanam berbeza dengan tanaman lain (2)	
12. Berupaya mengurus tanaman berskala besar (3)	
13. Kemahiran bertambah melalui proses menanam (2)	
14. Teknik tanaman yang digunakan lebih efisien(1)	
15. Kemahiran menyediakan anak benih (5)	4. Penguasaan kemahiran khusus (14)
16. Pengetahuan teknik meracun yang berbeza (3)	
17. Kemahiran mengenal jenis racun dan teknik meracun (2)	
18. Kemahiran boleh guna pakai untuk tanaman lain (2)	
19. Kemahiran mengurus tanaman sendiri (2)	

Nota: () Merujuk kepada bilangan kod pernyataan peladang

Tema utama 1: Proses pembelajaran

Tema utama proses pembelajaran yang dilalui oleh peladang dibangunkan hasil daripada gabungan tiga tema asas, iaitu 1) peluang menghadiri kursus, 2) kursus dianjurkan berbagai agensi kerajaan, dan 3) syarikat bersama-sama membantu meningkatkan kemahiran (rujuk Jadual 2).

Tema utama ini dibangunkan apabila terdapat peladang yang menyatakan bahawa mereka berpeluang untuk menambah ilmu tani sedia ada melalui kursus-kursus yang ditawarkan sejak mereka terlibat dengan projek cili ini. Melalui kursus-kursus ini peladang diajar cara meracun, membaja dan ilmu tani lain yang diperlukan untuk mereka melaksanakan usaha perladangan.

Peladang 7:

sepanjang tanam ni memang ada pergi kursus. PPK selalu panggil kita. Jadi kita pakat-pakat pergi belaka. Bila kita hadiri kursus, mereka akan beritahu macam macam. Pasal racun, pasal baja. Banyak yang saya belajar sejak menanam ni.

Selain diberikan kursus, peladang juga diberi peluang membuat lawatan sambil belajar bagi mengukuhkan lagi kemahiran mereka.

Peladang 17:

sejak menanam cili ni memang dapat tambah ilmu tani kita yang ada sebab kita pergi kursus-kursus. Bukan setakat di sini sahaja, tapi juga di luar. Ada juga buat lawatan pergi tempat lain sambil belajar.

Menurut peladang, kursus yang dihadiri oleh mereka ini telah dianjurkan oleh berbagai pihak, iaitu gabungan beberapa agensi Jabatan Pertanian seperti FAMA dan juga KADA.

Peladang 33:

kursus ni ada banyak. Ada tu PPK yang panggil. Ada juga dari Jabatan Pertanian. Sebab dia tu gabung sekalian.

Peladang 40:

Banyak dah kita pergi kursus. Hari tu dia gabung dengan pegawai. Pegawai-pegawai tu dari Pegawai Pertanian. Pegawai KADA, Pegawai FAMA, kita pergi satu bas. Masa tu pergi Perak di Bukit Gantang, lawat syarikat, pergi Cameron Highland, macam-macam tempat dah kursus ni.

Selain dari pihak-pihak yang dinyatakan di atas, peladang juga dibantu oleh syarikat korporat yang terlibat bagi meningkatkan lagi kemahiran sedia ada. Ilmu yang disampaikan juga meliputi teknik membaja, meracun dan juga cara menyediakan benih cili yang baik.

Peladang 10:

selain PPK orang syarikat juga ada ajar kita terutama cara meracun. Dia bagi tahu penyakit lada macam mana nak elak. Macam mana nak tanam, buat batas. Buat benih. Banyak lah dia ajar kita mula-mula dulu. Tapi sekarang dah jarang sebab orang banyak yang dah tahu.

Tema utama 2: Peningkatan ilmu pertanian dan pengurusan

Tema utama selanjutnya yang telah berjaya dibangunkan adalah peningkatan ilmu pertanian dan juga pengurusan dalam kalangan para peladang. Tema utama ini telah muncul gabungan daripada empat tema asas yang sepadan, iaitu 1) belajar cara meracun, 2) belajar teknik tanaman baru, 3) belajar cara membaja, dan 4) belajar cara mengurus akaun (rujuk Jadual 2).

Setelah melalui proses pembelajaran, peladang memaklumkan mereka juga diajar cara untuk melaksanakan proses penanaman sebaik mungkin. Antara ilmu yang diberikan perhatian ialah berkaitan dengan cara meracun.

Peladang 12:

Kalau fasal racun ni kita semua diajar dengan baik-baik. Berapa nak guna, macam mana nak guna, cara bancuh semua dibagi tahu kita. Kita ikutlah. Kalau tak menjadi, kita tanya lagi. Gitulah sampai jadi.

Peladang juga telah disarankan tidak menggunakan racun berlebihan dalam mengawal serangga perosak serta perlu mempunyai maklumat bahawa bukan semua racun boleh digunakan bagi pokok cili mereka. Semua ilmu tani ini penting bagi memastikan peladang dapat mengeluarkan hasil tani sebagaimana piawai yang dinyatakan oleh syarikat korporat yang terlibat.

Peladang 29:

Kita di sini tak boleh lebih racun. Sebab tu masa mula-mula tanam hari tu orang-orang berkenaan tu datang tengok racun apa yang kita guna. Tak boleh guna sebarang racun. Dia

ajar kita racun apa tak boleh guna, racun apa boleh guna, banyak mana nak guna semua dia bagi tahu kita.

Selain diajar cara menggunakan racun, peladang juga diajar cara membaja serta mengenali jenis baja yang sesuai bagi tanaman cili ini. Menurut Peladang 2 dan 7, memang banyak hal-hal pertanian yang telah mereka pelajari semenjak terlibat dengan projek cili kontrak ini

Peladang 2:

mereka akan beritahu kita macam macam. Contohnya tentang baja, macam mana nak guna, tentang racun pun juga. Banyaklah yang saya belajar sejak menanam ni.

Setelah peladang menguasai teknik meracun dan membaja, peladang juga telah mempelajari dua teknik tanaman cili yang berbeza. Teknik ini dirujuk sebagai teknik tanaman konvensional iaitu teknik tanaman cili di atas batas dan juga teknik fertigasi iaitu teknik menanam cili di dalam *polybag*. Kedua-dua teknik tanaman ini telah didedahkan kepada peladang. Peladang juga juga dimaklumkan tentang kelebihan dan juga kekurangan teknik ini masing-masing supaya peladang boleh menjalankan usaha ladang mereka menggunakan teknik yang lebih sesuai dengan mereka.

Peladang 8:

Dua-dua cara menanam kita dah boleh buat dah. Kita dah belajar dah....Tapi musim ni cadangnya buat tanaman biasalah. Nak balik ke tanaman fertigasi boleh juga tapi banyak belanja, nak kena beli poly beg, kosnya agak besar dengan kos baja dia lagi. Baja yang guna mesin ni, banyak dan rumit. Baja saja ada 10 jenis. Jadi kita tanam atas tanah saja kali ni.

Selain dari belajar teknik menanam, peladang juga dibimbing untuk melaksanakan pengurusan ladang. Bagi memudahkan urusan pengurusan pengiraan kos pertanian dan juga hasil tanaman yang diperolehi, peladang telah diajar cara untuk menguruskan akaun bagi hasil tanaman supaya peladang mampu untuk melakukan pengurusan kewangan mereka. Peladang diajar untuk mengira kos ladang yang akan mereka keluarkan juga jumlah pengiraan hasil yang akan mereka terima.

Peladang 1:

masa dulu.. masa Cik Mat (pengarah PPK) dulu... kursus bahagian akaun pun dia panggil kita. Bukan hanya menanam saja. Saya ingat lagi kursusnya di KB (Kota Baharu), memang banyak kursus-kursus yang akak hadir. Bila kita belajar tu kita boleh kira lah berapa kita bayar berapa pula kita dapat.

Tema utama 3: Membina kemahiran

Peningkatan ilmu pertanian sebagaimana yang dibincangkan dalam tema utama 2 daripada proses pembelajaran yang dibincangkan dalam tema utama 1 telah menjadikan para peladang berupaya untuk membina kemahiran sedia ada. Terdapat tujuh tema asas yang membangunkan tema utama ini, iaitu 1) berpeluang memilih teknik tanaman yang sesuai, 2) peluang untuk guna teknik baru untuk tambah hasil, 3) membina kesedaran teknik meracun yang selamat, 4) teknik menanam berbeza dengan teknik yang lain, 5) berupaya mengusahakan tanaman berskala besar, 6) kemahiran bertambah melalui proses penanaman, dan 7) teknik tanaman yang digunakan lebih efisien (rujuk Jadual 2).

Pengkaji mendapati peladang telah memperlihatkan kemahiran mereka dalam bidang ini setelah berpeluang melalui proses pembelajaran yang meningkatkan ilmu pertanian sedia ada mereka. Dengan kemahiran yang ada peladang peladang mempunyai pilihan untuk menjalankan teknik tanaman yang sesuai dengan mereka. Sebagaimana yang dibincangkan dalam tema utama 2, terdapat dua pilihan teknik menanam cili yang boleh dipilih iaitu teknik konvensional yang menanam cili di atas batas ataupun teknik

fertigasi iaitu menanam cili di dalam *polybag*. Pilihan teknik tanaman ini akan disandarkan kepada kemampuan peladang baik dari segi tenaga mahupun kos yang terlibat,

Peladang 15:

Memang kita ada pilihan nak guna fertigasi boleh, nak guna cara biasa boleh. Kita pilih saja mana yang kita mampu buat. Masing-masing tu ada kelebihan dan kelemahan masing-masing. Kan semua tu kita dah diberi tahu. Macam fertigasi ni kosnya mahal tapi hasilnya banyak. Kalau banjir pun boleh tanam juga. Macam saya ni, masih kekal atas tanah saja lagi. Tak pernah buat fertigasi. Tapi macam Pak De tu dia mampu buat fertigasi.

Selain berupaya untuk membuat pilihan berdasarkan kepada kemampuan mereka, peladang juga berpeluang untuk mencuba teknik-teknik yang ada dan seterusnya berpeluang untuk meningkatkan lagi hasil ladang mereka.

Peladang 5:

Bila kita dah diberitahu cara tanam ni, kita boleh lah cuba yang lebih baik. Selain tanam macam biasa kita boleh buat fertigasi. Ada kawan tu buat fertigasi hasilnya MasyaAllah banyak dari kita. Jadi kita semua sebenarnya dah ada peluang untuk buat itu semua.

Dengan kemahiran yang ada, peladang juga kini mempunyai keupayaan untuk memilih jenis racun yang akan mereka gunakan untuk tanaman mereka. Keadaan ini dinyatakan oleh peladang berbeza semasa mereka masih tidak mendalami ilmu meracun.

Peladang 5:

Racun kulat ni kalau macam timun batang tu pecah, dia ada racun khas dia untuk batang pecah. Kalau di subur, baja banyak, batang dia boleh pecah. Kalau dulu kita menanam racun tu kita beli di kedai saja. Di kedai dia memang nak jual barang dia, dia akan cakap ni baik, ni baik. Kita percaya kat dia, sebab kita tak ada ilmu lagi. Bila kita balik sini guna racun dia kita masalah. Sekarang ni bila kita pegi kedai, kita tahu dah racun ni macam ni, racun ni macam ni, kita tak payah tanya dia dah. Kita pegi ambik saja sebab kita memang dah tahu dah. Kita dah tak guna racun macam kita guna dulu masa kita belum ada ilmu ni.

Peladang juga seterusnya menyatakan kini mereka memahami bahawa terdapat perbezaan dalam menguruskan tanaman cili berbanding dengan tanaman sayur yang lain. Teknik penanaman cili memerlukan peladang lebih perihatin terhadap hal ehwal tanaman.

Peladang 20:

Teknik tanam lada ni cermat dari tanaman lain. Dia tak sama. Masa meracun kena meracun, bila masa membaja kena membaja. Kerjanya tak berat tapi kena rumit. Tak boleh malas. Tak boleh biar-biar saja. Kalau kita dah buat semua InsyaAllah hasil tu nanti kita suka tengok lah.

Kemahiran yang diperolehi oleh peladang juga seterusnya memberi keupayaan kepada peladang untuk menanam dalam skala yang lebih besar.

Peladang 37:

Memang dulu saya cuma tanam 5000 pokok saja tapi sekarang nak cuba lebih. Saya pernah tanam sampai 15 ribu. Alhamdulillah berjaya. Tapi kita tak boleh buat sendiri lah kita kena minta orang lain bantu juga. Kita upah lah.

Peladang juga menyatakan bahawa semakin lama mereka terlibat dengan projek tanaman cili ini semakin mereka mahir dalam urusan penanaman sehingga berupaya mengatasi masalah yang timbul berpandukan kepada pengalaman mereka.

Peladang 34:

Bila kita makin lama tanam nanti kita nampak cara dah. Kita dah tahu perangai cili ni dah. Makin lama makin mudah kita rasa tanam cili ni. Cuma sekarang ni masalahnya serangga perosak. Mungkin cuaca dah tak berapa elok. Dulu tak macam ni.

Tambahan kepada kemahiran dan ilmu pertanian yang diperolehi oleh peladang ini, bantuan peralatan yang digunapakai oleh peladang peladang juga dinyatakan turut menambahkan keefisienan peladang.

Peladang 8:

Sekarang ni peladang mudah belaka. Mesin ada, wayar air ada. Kita tekan saja keluar air, tak payah angkat siram. Semuanya nak kita jimat masa. Jadi kita upaya nak tanam banyak.

Tema utama 4: Penguasaan kemahiran khusus

Lanjutan daripada tema utama 3, iaitu membina kemahiran, pengkaji mendapati terdapat satu lagi tema berkaitan yang muncul yang dirujuk sebagai penguasaan kemahiran khusus berkaitan dengan penanaman pokok cili oleh para peladang. Tema ini telah dibangunkan berdasarkan lima tema asas, iaitu 1) kemahiran menyediakan anak benih sendiri, 2) pengetahuan teknik menjaga tanaman, 3) kemahiran mengenal jenis racun dan teknik meracun, 4) kemahiran boleh diguna pakai untuk tanaman lain, dan 5) kemahiran mengurus tanaman sendiri (Jadual 2).

Setelah menghadiri kursus yang disediakan dan juga mempelajari teknik penanaman daripada pelbagai pihak yang terlibat, maka peladang telah melalui proses untuk membina kemahiran sebagaimana yang dibincangkan dalam tema utama 3. Selanjutnya setelah berpengalaman mengusahakan ladang cili ini peladang juga didapati telah menguasai kemahiran khusus dalam industri perladangan cili ini kerana mereka dilihat berupaya menguasai semua kemahiran yang perlu dari proses awal menanam sehingga pokok cili mengeluarkan hasilnya.

Hasil temubual mendapati peladang yang telah menjalani kursus serta yang telah terlibat dengan usaha menanam cili ini telah mahir untuk menghasilkan biji benih cili mereka sendiri tanpa perlu membeli benih cili dari PPK ataupun mendapatkannya dari syarikat korporat yang terlibat.

Peladang 5

Anak benih ni kita mudah nak dapat sekarang ni. Lagi pun ada kalangan kita yang memang kerjanya buat anak benih ni. Nanti bila nak menanam kita pergi beli kat dia saja.

Peladang 15:

Kalau dulu kita beli benih dari PPK, tapi sekarang ramai kita yang dah buat sendiri dah..

Peladang 20:

Sekarang kita dah boleh lah buat sendiri. Dulu beli benih dengan Peladang. Sekarang tak payah beli dah. Sebab kita tahu dah benih yang baik tu yang macam mana. Kalau beli benih sebarangan takut pokok jadi rendah.

Selanjutnya peladang juga telah menguasai kemahiran dalam menggunakan racun dan baja yang sesuai bagi tanaman cili mereka berdasarkan kepada keadaan pokok dan juga berdasarkan kepada masalah yang dihadapi oleh pokok cili yang ditanam.

Peladang 29:

Masa tahun ketiga. Kita dah tahu baja macam mana. Racun macam mana. Masalah ni racunnya ini, masalah itu racunnya itu pula. Bila dah lama-lama ni kita jadi mahir dah cara nak bela pokok cili ni.

Peladang 23:

Meracun ni kena pandai. Tak boleh pakai sembur-sembur saja. Racun yang sama tidak boleh diulang-ulang pakai. Maknanya ada masa racun yang berlainan yang digunakan kerana penyakit cili ni mudah kebal. Tapi meracun ni kena hati-hati kita tak boleh guna banyak-banyak. Baja pun macam tu juga. Dia ni (pokok cili) tak sama macam tanaman yang kita sebelum ni.

Pada masa yang sama, apa yang menarik ialah terdapat peladang yang telah menjadi sumber rujukan berkaitan perihal racun tanaman.

Peladang 7:

Pasal racun kita tanya pak kob. Betul sebab dia orang lama. Dia tahu cara-cara meracun ni. Macam racun semua dia tahu. Dia rajin pergi kursus.

Peladang 14:

Kalau fasal meracun ni kami memang selalu tanya kawan yang memang dah pengalaman. Ada yang boleh ingat nama racun dalam kepala saja. Nanti bila tiba masalah dia pergi tengok pokok kita dia tahu apa racun nak guna. Lagipun dia rajin sungguh. Dia rajin cuba. Bila tak jadi dia cuba lagi. Sebab tu dia mahir. Kami selalu tanya dia saja. Malahan orang jual racun pun cari dia.

Semua ilmu dan teknik yang dipelajari dari kursus dan juga pengalaman menanam cili ini juga dinyatakan oleh peladang boleh mereka guna pakai bagi tujuan penanaman yang lain. Menurut peladang tanaman cili adalah antara tanaman yang rumit untuk dijaga berbanding dengan tanaman yang lain. Maka jika peladang berjaya menanam cili, bermaksud tidak ada masalah untuk kemahiran itu digunakan untuk tanaman yang lain.

Peladang 21:

Bila dah mula tanam lada ni saya tahu banyak jenis baja dan racun juga. Bila dah tahu begini boleh lah kita cuba untuk tanaman lain yang kita buat sambil-sambil tanam cili ni.

Peladang 28:

Bila dah lama tanam cili ni, kita dah tak jadi masalah nak tanam apa-apa yang lain sebab jaga pokok cili ni rumit sikit tak macam pokok lain. Jadi bila boleh tanam cili pasti boleh belaka tanam yang lain tu.

Setelah menguasai kemahiran yang diperlukan, peladang mampu untuk menguruskan tanaman mereka sendiri.

Peladang 26:

sekarang ni bila dah lama tanam Insya-Allah dah boleh tanam sendiri dah. Semuanya yang kita dah belajar tu penting dan lada ni perlu dijaga rapi. Contohnya lepas tanam kalau dah tinggi, kena ikat lah. Kerja ni tak boleh main biar saja.

Kesimpulan

Kajian terhadap projek CSR perladangan cili kontrak ini mendapati wujudnya usaha membina keupayaan dalam kalangan para peladang yang terlibat berdasarkan kepada tema-tema kajian yang muncul dari analisis tematik. Bermula dengan proses pembelajaran yang disediakan oleh pihak PPK dan juga pihak syarikat korporat yang terlibat, peladang berpeluang untuk meningkatkan ilmu pertanian mereka yang sedia ada. Peladang yang terlibat dengan projek cili ini sebenarnya telah membina kapasiti mereka melalui proses pembelajaran dan peningkatan ilmu pertanian. Justeru itu keupayaan mereka di peringkat individu untuk melaksanakan fungsi mereka sebagai peladang cili secara efisien telah dapat dibangunkan dari peringkat awal pelaksanaan projek sehingga mereka telah mencapai kemahiran menghasilkan tanaman cili yang baik sebagaimana yang diperlukan.

Tema utama 3 dan 4 yang merujuk kepada pembinaan dan penguasaan kemahiran khusus oleh peladang juga memenuhi maksud pembinaan kapasiti yang dinyatakan oleh UNDP yang memberi tumpuan kepada keupayaan komuniti untuk menangani masalah, mengenal pasti dan mencapai objektif pembangunan. Dalam konteks komuniti peladang yang dikaji, dengan penguasaan kemahiran khusus dalam penanaman cili ini, peladang telah mampu untuk menangani masalah dalam proses menanam di samping mengenal pasti objektif utama proses penanaman yang perlu menepati piawaian syarikat yang terlibat yang akan membeli hasil tanaman mereka.

Secara keseluruhannya, pembinaan keupayaan atau kapasiti yang wujud dalam projek perladangan cili kontrak ini adalah hasil gabungan pelbagai faktor. Projek perladangan cili kontrak ini telah disokong oleh pihak PPK dan syarikat korporat yang mengambil tanggungjawab bagi memastikan kapasiti komuniti dapat dibangunkan di samping kompetensi pihak mereka sendiri iaitu bagi pihak PPK, sebagai agen pembangunan dan bagi pihak syarikat korporat pula ialah sebagai pelaksanaan usaha CSR yang dapat meningkatkan nilai masyarakat lokal sebagaimana prinsip perniagaan syarikat.

Selain itu, faktor perkongsian peranan antara tiga pihak iaitu PPK, syarikat korporat dan pihak komuniti peladang sendiri bagi memastikan projek perladangan ini dapat dilaksanakan juga mempengaruhi proses pembinaan kapasiti. Tidak dinafikan juga, melalui tema-tema utama yang terhasil, kajian ini menunjukkan dengan jelas tujuan pembinaan kapasiti yang diusahakan ini iaitu bagi membangun keupayaan peladang untuk melaksanakan projek perladangan ini secara efisien. Keadaan ini berlaku kerana proses pembelajaran dan peningkatan kemahiran adalah relevan dengan objektif projek perladangan yang dilaksanakan. Kajian ini juga mendapati tiada agenda yang tersembunyi dalam proses pembinaan keupayaan terhadap peladang. Di samping itu, peladang yang terlibat juga menunjukkan komitmen serta fokus kepada kemahiran yang perlu dibangunkan oleh mereka dalam melaksanakan peranan sebagai peserta projek perladangan cili kontrak ini. Gabungan faktor-faktor ini telah menyumbang dan seterusnya mempengaruhi serta menentukan kejayaan usaha pembangunan kapasiti peladang dalam kajian ini.

Hasil kajian ini seterusnya mendapati bahawa strategi dan usaha CSR yang dilaksanakan oleh syarikat korporat yang terlibat bukan sesuatu yang berbentuk filantropi. Usaha CSR yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan keupayaan komuniti dengan cara pemindahan pengetahuan ataupun kepakaran kepada komuniti lokal. Sehubungan itu, inisiatif CSR ini juga turut menggalakkan syarikat supaya memberi tumpuan kepada pembangunan modal manusia bagi membantu usaha untuk mencapai pembangunan komuniti yang lebih menyeluruh.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan projek ini di bawah Skim Penyelidikan Siswazah Universiti Penyelidikan (USM-RU-PRGS: 1001/PSOSIAL/842068)

Rujukan

- Barney I (2003) Business, community development and sustainable livelihood approach. *Community Development Journal* **38** (3), 255-265.
- Blowfield M, Frynas JG (2005) Setting new agendas: Critical perspectives on corporate social responsibility in developing world. *International Affairs* **81**(3), 499-513.
- Bursa Malaysia. (2006) Bursa Malaysia's CSR Framework for Malaysian PLCs [cited May 28, 2008]. Available from: http://www.klse.com.my/website/bm/about_us/
- Eweje G (2006) The role of MNEs in community development initiatives in developing countries: Corporate social responsibility at work in Nigeria and South Africa. *Business & Society* **45** (2), 93.
- Fox T (2004) Corporate Social Responsibility and Development: In quest of an agenda. *Development* **47** (3), 29-36.
- Frynas J (2005) The false developmental promise of Corporate Social Responsibility: Evidence from multinational oil companies. *International Affairs* **81** (3), 581-598.
- Garriga E, Melé D (2004) Corporate social responsibility theories: Mapping the territory. *Journal of Business Ethics* **53** (1), 51-71.
- Hamann R (2006) Can business make decisive contributions to development? Towards a research agenda on corporate citizenship and beyond. *Development Southern Africa* **23** (2), 175-195.
- Hamann R (2007) Is corporate citizenship making a difference? *Journal of Corporate Citizenship*. Winter 2007, 15-29.
- Hedayat Allah Nikkiah, Ma'rof Redzuan (2010) The role of NGO in promoting empowerment for sustainable community development. *Jurnal of Human Ecology* **30** (2), 85-92.
- Ideamudia U (2008) Conceptualising the CSR and development debate: Bridging existing analytical gaps. *Journal of Corporate Citizenship* **29** (Spring), 91-110.
- Jenkins R (2005) Globalization, corporate social responsibility and poverty. *International Affairs* **81** (3), 525-540.
- Kolk A, Van Tulder R (2006) Poverty alleviation as business strategy: Evaluating commitments of frontrunner multinational corporations. *World Development* **34** (5), 789-801.
- Mattessich PW (2009) social capital and community building. In: Phillips R, Pittman RH (ed) *An introduction to community development*. Routledge Taylor and Francis Group, London.
- Milen A (2001) What do we know about capacity building [cited September 25, 2010]. Available from: http://www.unescobkk.org/fileadmin/user_upload/aims/capacity_building.pdf
- Manteaw B (2007) From tokenism to social justice: Rethinking the bottom line for sustainable community development. *Community Development Journal*. Oxford University Press. May 25, 2007.
- Muthuri JN (2007) Corporate citizenship and sustainable development. *Journal of Corporate Citizenship*. **28** (Winter), 73-84.
- Muthuri JN (2007) Participation and accountability in corporate community involvement programmes: A research agenda. *Community Development Journal*. Oxford University Press, 1-17.
- Newell P, Frynas JG (2007) Beyond CSR? Business, poverty and social justice: An introduction. *Third World Quarterly* **28** (4), 669-681.
- Porter M, Kramer M (2006) The link between competitive advantage and corporate social responsibility. *Harvard Business Review* **84** (12), 78-92.
- Sharp J (2006) Corporate social responsibility and development: An anthropological perspective. *Development Southern Africa* **23** (2), 214-222.
- Utting P (2003) Promoting development through Corporate Social Responsibility—prospects and limitations. *Global Future* **3**, 11–13.
- World Business Council for Sustainable Development (WBCSD) (2000) Corporate social responsibility: Meeting changing expectations [cited April 15, 2007]. Available from: <http://www.wbcsd.org>.